



## KENYATAAN MEDIA

### NOTIS PEMBUKAAN SEMULA GALERIA SRI PERDANA

---

Adalah dimaklumkan bahawa **Galeria Sri Perdana, Jalan Terengganu, Bukit Persekutuan, 59000 Kuala Lumpur** akan dibuka semula kepada orang awam bermula pada:

**Tarikh:**

11 Julai 2025 (Jumaat)

**Waktu Pengoperasian:**

Selasa hingga Ahad (9.00 pagi – 5.00 petang)

**Isnin ditutup kecuali** semasa cuti umum dan cuti persekolahan

Orang ramai dijemput untuk mengunjungi galeria ini bagi menghayati warisan serta sejarah kediaman rasmi Perdana Menteri Malaysia. Pelbagai penambahbaikan dan pameran baharu turut diperkenalkan bagi memberikan pengalaman yang lebih menarik kepada para pengunjung. **KEMASUKAN ADALAH PERCUMA.**

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web rasmi dan akaun media sosial Arkib Negara Malaysia atau hubungi Seksyen Pengurusan Arkib Negarawan melalui e-mel [span@arkib.gov.my](mailto:span@arkib.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**Arkib Negara Malaysia**

Tarikh :10 Julai 2025

No. rujukan : ARKIB.100-9/1/3 JLD.2 (40)